

11/04/1999

Tiada ahli MCA, PPP belot

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda MCA dan Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) mendedahkan tiada ahli mereka yang menyertai Parti Keadilan Nasional (KeADILan) sejak ia dilancarkan pada 4 April lalu.

Menurut pemimpin kedua-dua parti komponen itu, kebanyakan ahli mereka masih percaya kepada kerajaan pimpinan BN dan tidak mudah terpengaruh dengan pelawaan parti baru yang ditubuhkan itu.

Ketua Pemuda MCA, Datuk Chan Kong Choy, berkata barisan kepemimpinan gerakan itu tidak yakin KeADILan mampu menjadi parti alternatif kepada Barisan Nasional (BN) sebagai pemerintah baru negara ini.

Menurutnya, kemunculan KeADILan sebagai parti politik tidak mungkin dapat menjejaskan BN kerana gabungan teraju kerajaan mempunyai kekuatan mantap, terutama di peringkat akar umbi.

"Kebanyakan tokoh daripada parti baru itu dari segi personaliti masing-masing dan sokongan akar umbi masih belum diuji. Saya tidak yakin ia boleh menjadi parti alternatif kepada BN kerana banyak pihak sebelum ini sudah mencuba tetapi rakyat masih yakin pada BN.

"Ini kerana apabila rakyat memikirkan secara mendalam masa depan anak dan diri mereka sendiri, mereka akan memilih sebuah parti yang sudah terbukti kemampuan dan rekod prestasinya, daripada memilih sebuah parti yang belum lagi menunjukkan kebolehan mereka," katanya kepada pemberita, di sini semalam.

KeADILan dilancarkan minggu lalu dengan melantik Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai Presiden. Ia membuka keanggotaannya kepada semua kaum dan agama serta akan dikembangkan ke seluruh negara.

Presiden PPP, Datuk M Kayveas pula berkata tindakan segolongan pihak yang menubuh atau menyertai parti baru sering berakhir dengan kegagalan kerana tidak menerima sokongan padu rakyat.

Bagaimanapun, katanya, PPP tidak berniat untuk menghalang orang ramai menyertai mana-mana parti pembangkang, tetapi biarlah memilih parti yang benar-benar membela rakyat.

Menurutnya, apa yang nyata kehadiran KeADILan tidak akan memberi kesan kepada BN.

"Ini kerana BN sudah membuktikan keupayaannya membela nasib rakyat, di samping mengekalkan kesejahteraan negara ini," katanya.

Selain itu, kedua-dua pemimpin parti komponen itu juga turut berharap supaya Perdana Menteri, Datuk seri Dr Mahathir Mohamad, yang sedang menjalani rawatan di Institut Jantung Negara (IJN), cepat sembuh.

"Kami berharap supaya Dr Mahathir cepat sembuh dan boleh menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri dengan segera," kata mereka.

Dr Mahathir dimasukkan ke IJN, Jumaat lalu kerana bronkitis selepas dinasihatkan oleh doktor supaya berehat dan menjalani rawatan sepenuhnya.

(END)